

USIM bantu banteras salah guna dadah



MUHAMAD Muda (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Yunus Pathi pada Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan di Nilai, baru-baru ini.

SEREMBAN 15 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil langkah proaktif untuk menjadi tuan rumah penganjuran Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan (Prevent) 2012 yang diadakan di universiti berkenaan, Nilai, di sini baru-baru ini.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh wakil dari Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Terengganu, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Persatuan Pengasih; Persatuan Kaunselor Malaysia (Perkama), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam).

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, seminar tersebut bertujuan dijadikan platform untuk membincangkan peranan, penglibatan, pendekatan serta strategi yang boleh dilaksanakan institusi pengajian tinggi (IPT) dan masyarakat dalam membantu membanteras gejala penyalahgunaan dadah di negara ini.

"Gerakan membanteras penyalahgunaan dadah ini hendaklah digalas bersama sekiranya ingin melihat sasaran negara ini bebas daripada da-

dah menjelang 2015 tercapai.

"Gejala ini perlu ditangani di semua peringkat dan lapisan masyarakat bermula dari peringkat murid, pelajar termasuk penuntut IPT agar tidak ia tidak terus menular di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan seminar tersebut, di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden Pengasih Kebangsaan, Datuk Yunus Pathi berkata, keteguhan institusi kekeluargaan merupakan faktor serta ejen utama dalam membanteras penularan gejala tidak sihat itu.

"Sudah tiba masanya ibu bapa perlu mengambil inisiatif dalam memberi penegasan terhadap bahaya, keburukan dan kesan dadah kepada anak-anak mereka.

"Saya memuji USIM untuk menganjurkan seminar pencegahan ini kerana setelah sekian lama negara kita pada suatu ketika dulu hebat dalam aktiviti pencegahan, namun kini telah beralih fokus kepada aktiviti pemulihan.

"Kita tidak menafikan kepentingan aspek pemulihan tetapi aktiviti pencegahan turut perlu diperbanyakkan lagi ke arah kita mengurangkan bilangan sekali gus menghapuskan penagih dadah baru," katanya.